

Malaysia minta Myanmar lanjutkan gencatan senjata

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM

utusannews@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Malaysia akan meminta junta tentera Myanmar melanjutkan tempoh gencatan senjata di negara itu bagi membolehkan bantuan kemanusiaan disalurkan kepada mangsa-mangsa yang terjejas akibat gempa bumi.

Perkara itu akan dibangkitkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam pertemuan sulung beliau selaku Pengerusi ASEAN dengan Ketua Tentera Myanmar, Min Aung Hlaing di Bangkok, Khamis ini.

“Saya minta diredakan dan dihentikan kegiatan ketenteraan ketika orang tengah sengsara.

“Mudah-mudahan dalam perbincangan saya dengan Perdana Menteri Myanmar pada 17 April ini saya minta dilanjutkan gencatan senjata itu kerana alasan kita mahu hantar Pasukan Mencari dan Menyelamat Khas Malaysia (SMART) dan menjamin keselamatan mereka.

“Pasukan kita terbukti antara yang terbaik dalam kalangan negara ASEAN, bukan sahaja dari segi latihan, tetapi juga kelengkapan yang kita bawa,” katanya pada perjumpaan bersama warga Kementerian Kewangan di sini, semalam. Perdana Menteri berkata, beliau ke Bangkok bagi menghadiri mesyuarat penting bersama Penasihat ASEAN dan Perdana Menteri Thailand, Paetongtarn Shinawatra.

Justeru, beliau akan menggunakan kesempatan itu untuk bertemu pemimpin Myanmar yang telah mengumumkan gencatan senjata pada 17 hingga 22 April



ANWAR Ibrahim beramah mesra selepas Majlis Perhimpunan Bulanan dan Perjumpaan Warga Kementerian Kewangan serta Agensi di Kementerian Kewangan, Putrajaya, semalam. - UTUSAN/FAIZ ALIF ZUBIR

ini selepas beliau mewakili ASEAN menyuarakan permintaan tersebut.

Meskipun hubungan diplomatik ASEAN-Myanmar kini dibatasi oleh konsensus lima perkara, Anwar menegaskan, pertemuan itu semata-mata atas dasar kemanusiaan kerana malapetaka yang dihadapi rakyat negara itu akibat gempa bumi agak parah.

Anwar berkata, beliau akan turut menyuarakan kepada pemimpin Myanmar itu supaya menghentikan serangan terhadap golongan musuh politik dan kawasan bergolak seperti wilayah Karen dan Rakhine, agar rundingan seterusnya dapat dijalankan secara aman dan berkesan.

“Jemaah Menteri turut ber-

setuju untuk meneruskan bantuan melalui hospital medan yang dikendalikan oleh Angkatan Tentera Malaysia,” katanya yang akan ke Bangkok selepas berakhir lawatan Presiden China, Xi Jinping ke Malaysia.

Menurut Anwar, pertemuan beliau dengan Perdana Menteri Thailand untuk menyelesaikan isu berkaitan Sungai Golok yang menjadi punca kepada banjir berulang di selatan Thailand dan Rantau Panjang, Kelantan.

Katanya, langkah itu penting bagi menyelesaikan masalah berkenaan sehingga menjejaskan kehidupan rakyat di sempadan.

“(Antara perkara yang akan dibincangkan) ialah cadangan (membina) jambatan (antara kedua-dua negara), kerja-kerja

pengorekan dan pembersihan Sungai Golok yang menyebabkan banjir di kawasan Selatan Thailand dan Kelantan,” katanya.

Dalam pada itu, Anwar turut menangkis pandangan sinis segelintir pihak yang mempersoalkan keprihatinan kerajaan terhadap krisis luar negara terutama di Myanmar ketika ini berbanding isu rakyat tempatan.

“Kalau tidak selesai masalah Myanmar, (kesannya akan sampai ke sini) apabila lebih 200,000 pelarian Rohingya datang ke Malaysia. Penyeludupan candu, opium (dadah) akan meningkat.

“Rundingan antara dua negara dan ASEAN agak terbatas. Jadi ada kebijaksanaan untuk kita rangkul kekuatan bersama,” jelasnya.